

**NO. SOALAN: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI  
[ KUDAT ]**

**TARIKH : 17 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Abd Rahim bin Bakri [ Kudat ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian di dalam membantu menjadikan Daerah Kudat sebagai salah satu destinasi pelancongan baru di Malaysia.**

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan promosi bagi menjadikan negeri Sabah sebagai salah satu negeri tumpuan pelancong termasuk Daerah Kudat.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) (2006-2010), Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM55.6 juta bagi melaksanakan projek-projek pembangunan pelancongan di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3.8 juta telah diperuntukkan di Daerah Kudat bagi melaksanakan Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Tip of Borneo Tanjung Simpang Mengayau serta Projek Pembinaan 'Boardwalk' dan Pondok Rehat di Homestay Kampung Misompuru, Kudat. Tip of Borneo adalah salah satu tempat pelancongan yang terkenal di negeri Sabah kerana keunikannya menjadi titik pertemuan dua lautan iaitu Laut China Selatan dan Laut Sulu. Dengan adanya projek ini, terdapat banyak aktiviti dapat menarik pelancong ke Daerah Kudat.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Pelancongan dan Alam Sekitar Sabah dan Sabah Tourism Board bagi mempromosikan acara-acara premier di daerah Kudat melalui pembangunan pakej pelancongan, bahan-bahan kolateral atau risalah dan hebahan maklumat melalui Pusat Penerangan Pelancongan Tourism Malaysia. Antara acara-

acara premier yang dilaksanakan di daerah Kudat ialah Ocean Rhythm Festival, Sunset Music Festival, Rungus Kiansamung Festival dan The Rungus Photography & Art Exhibition yang berjaya menarik ramai pelancong setiap tahun.

Di samping itu, homestay juga menjadi salah satu tumpuan pelancong di Daerah Kudat. Di bawah Rolling Plan Keempat 2015, RP4(2015) Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe10) sebanyak RM205,000 telah diperuntukkan di Daerah Kudat bagi melaksanakan Projek Menaik Taraf Kemudahan Infrastruktur Di Homestay Kampung Misompuru, Kudat. Homestay ini mempunyai penglibatan seramai 34 orang pengusaha homestay yang menawarkan 68 buah bilik penginapan untuk pelancong. Pada tahun 2015, Homestay Misompuru telah merekodkan prestasi pendapatan dan kedatangan pelancong yang memberangsangkan. Jumlah pendapatan yang dijana adalah sebanyak RM475,452 dengan kedatangan pelancong seramai 9,466 orang yang terdiri daripada 9,010 pelancong domestik dan 456 orang pelancong antarabangsa. Antara pakej aktiviti yang ditawarkan oleh Homestay Misompuru adalah seperti persembahan kebudayaan tarian Rungus, *mock wedding* kaum Rungus dan demonstrasi muzik tradisional Rungus dan lawatan ke Penternakan Madu Lebah.

Inisiatif dan promosi yang dilaksanakan ini akan dapat menjadikan Daerah Kudat sebagai salah satu destinasi pelancongan baru di Malaysia.

Sekian, terima kasih.